

08/05/1998

KLIA bakal dirasmi Isnin atau Selasa

SEPANG, Khamis - Pembukaan rasmi Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) akan dibuat sama ada pada Isnin atau Selasa, dua hari yang dikenal pasti mempunyai jumlah penerbangan minimum.

Pengarah Urusan Malaysia Airports Berhad (MAB), Datuk Khairuddin Ibrahim, berkata operasi pemindahan peralatan secara besar-besaran dari Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) akan dilakukan dalam tempoh 24 jam sebelum permulaan operasi di KLIA.

Menurutnya, kakitangan MAB kini melaksanakan persediaan terakhir menjelang pembukaan rasmi KLIA, yang tarikh sebenarnya akan diumumkan oleh Perdana Menteri tidak lama lagi.

"Pemilihan dua hari terawal itu dianggap sesuai kerana proses pemindahan operasi lebih mudah jika jumlah penerbangan tidak memberi tekanan kepada penggunaan peralatan," katanya ketika ditemui di Bangunan Terminal Utama (MTB) KLIA di sini, hari ini.

Semalam, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mengumumkan Kabinet sudah meluluskan tarikh pembukaan KLIA tetapi ia akan diberitahu oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, kerajaan menubuhkan jawatankuasa khas Jabatan Perdana Menteri (JPM) dianggotai pegawai JPM, KLIA Berhad, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) dan Kementerian Pengangkutan bagi mengendalikan upacara perasmian berkenaan.

Perasmian KLIA yang dijadualkan bulan depan, akan disempurnakan Yang Dipertuan Agong, Tuanku Ja'afar manakala Dr Mahathir akan melakukan ucapan dasar.

Khairuddin berkata, sebagai persediaan menjelang pembukaan rasmi itu, ujian Sistem Pemprosesan Pendaftaran Penumpang (PCPS) dan Sistem Pengendalian Bagasi (BHS) membabitkan 1,000 sukarelawan, dijalankan bulan ini.

"Pelbagai ujian akan dijalankan sebelum KLIA dibuka, khususnya membabitkan Sistem Pengurusan Lapangan Terbang Menyeluruh (TAMS)," katanya.

Perpindahan operasi LTSAAS ke KLIA yang terletak 70 kilometer ke selatan Kuala Lumpur, bermula sebaik saja penerbangan terakhir pesawat milik Penerbangan Malaysia (MAS) di Subang pada jam 11.55 malam.

Beratus-ratus pekerja lapangan terbang dengan membawa kotak, lori panjang treler dan kren, serta pesawat kargo akan memulakan migrasi ke KLIA dengan pantas, sebelum permulaan operasi lapangan terbang baru itu pada keesokan harinya.

Kira-kira 2,500 kakitangan MAS akan terbabit dengan operasi pemindahan peralatan itu, dengan 2,000 orang lagi ditempatkan di KLIA untuk persediaan penerbangan pertama di lapangan terbang berkenaan yang dijadualkan pada 7 pagi.

Lojistik diperlukan untuk pemindahan itu membabitkan 441 kenderaan yang boleh dipandu seperti van, limosin, bas, koc, tangga bergerak dan ambulans; 363 kenderaan yang perlu diangkut seperti traktor.

Selain itu, ia turut membabitkan 3,440 peralatan tidak bermotor seperti troli bagasi, jek pesawat, penahan, kontena dan lain-lain; 7,089 kotak peralatan pejabat; dan 4 juta barangan kejuruteraan.

Sebanyak 1,200 lori dan trailer diperlukan untuk mengangkut semua peralatan terbabit.

(END)

